



Nestlé Good food, Good life

Siaran Akhbar

Kuala Lumpur, 09 Januari 2024

KitKat® Memeriahkan Sambutan Tahun Baharu Cina Rakyat Malaysia Bersama *KitKat® Golden Dragon!*

Produk Buatan Chembong Memperkenalkan Teknologi Inovatif 'Farbling' di Malaysia

Rakyat Malaysia sentiasa mencari produk konfeksi bermusim yang menarik dan ingin mencuba perisa baharu, terutamanya semasa musim perayaan. Sentiasa berusaha memenuhi harapan rakyat Malaysia, KitKat® dari Nestlé mengalu-alukan Tahun Naga 2024 yang membawa buah dengan pelancaran *KitKat® Golden Dragon*. Coklat edisi terhad yang inovatif, sempena sambutan Tahun Baru Cina. KitKat® dihasilkan di Chembong, Negeri Sembilan, yang merupakan pusat pengeluaran produk bagi pasaran ASEAN.

Produk baru yang menarik ini adalah KitKat® pertama di seluruh dunia yang menggunakan teknologi 'Farbling' untuk menghasilkan corak sisik Naga yang menakjubkan pada coklat. Teknologi ini membolehkan penciptaan reka bentuk yang rumit, berilhamkan sisik Naga mitos yang menyerlah dengan kombinasi warna-warna semula jadi dan terang dalam rona merah dan kuning keemasan. Visual menarik *KitKat® Golden Dragon* yang terdapat di jejari coklat pastinya menghidupkan semangat Naga - yang menjadi lambang kuasa, buah dan kemakmuran dalam budaya masyarakat Cina - menjadikannya pilihan snek mahupun hadiah yang sempurna untuk musim perayaan.

KitKat® Golden Dragon merupakan edisi di luar kelaziman yang menampilkan perisa *Zesty Orange* yang lazat. Hasil kajian daripada Mintel menunjukkan bahawa perisa bermusim menjadi pilihan utama dalam kalangan pengguna, dengan perisa oren sebagai trend coklat bermusim yang utama, disamping perisa lain seperti kurma, cranberi, malt dan *salted caramel*.¹ Keseimbangan sempurna antara rasa segar oren serta kemanisan coklat susu yang halus dalam adunan wafer KitKat® rangup menawarkan pengalaman yang merangsang deria dan nikmat yang memikat selera.

Menurut **Carlota Casellas, Pegawai Eksekutif Perniagaan Nestlé Confectionery**, "*KitKat® Golden Dragon* bukan hanyalah snek coklat biasa. Edisi terhad ini menandakan satu mercu jaya penting bagi kami, kerana Malaysia ialah pasaran pertama di dunia untuk melancarkan coklat KitKat® baharu dengan kombinasi teknologi Pemarmaran dan Pemudaran (Farbling). Kami teruja untuk membawakan pengalaman snek luar biasa kepada rakyat Malaysia, yang bukan sahaja sejajar dengan slogan terkenal KitKat®, '*Have a break, Have a KitKat®*', tetapi juga mencipta detik-detik bermakna dan mengeratkan tali silaturahim bersama rakan dan keluarga."

¹ Mintel.com 2022

Bagi meraikan pelancaran *KitKat® Golden Dragon*, satu acara khas telah diadakan di Sunway Velocity Mall di Cheras, Kuala Lumpur baru-baru ini. Kumpulan Tarian *KitKat® Golden Dragon* telah menghiburkan hati pengunjung dengan persembahan tarian naga yang memukaukan. Acara tersebut dipenuhi dengan aktiviti menarik penuh kemeriahan serta memberi inspirasi untuk pengunjung yang sedang membuat persiapan untuk menyambut kedatangan Tahun Baru Cina yang meriah.

Sempena sambutan perayaan, KitKat® memperkenalkan rangkaian koleksi *KitKat® Golden Dragon* edisi terhad, termasuk pek tunggal 4 Jejari edisi terhad baharu, Beg Kongsi 8 x 2 Jejari, Tin Hadiah Logam Tahun Baru Cina Naga KitKat®, Pek *Cele-break* khas, dan Beg Serba Guna Edisi KitKat® x Artis Malaysia yang direka khas secara usaha sama dengan artis tempatan, Cassey Gan dan Cloakwork. Sebagai sebahagian daripada rangkaian menarik ini, KitKat® sangat teruja untuk memperkenalkan aiskrim KitKat® UZU, hidangan lazat yang disaluti dengan perisa yuzu, dilengkapi dengan wafer rangup dan oren kering di atasnya. Aiskrim edisi terhad yang dijual pada musim perayaan ini menambahkan sentuhan unik dan keseronokan kepada pengalaman KitKat®.

Sertai **Peraduan KitKat® LÓNGevity**, yang berlangsung sehingga 20 Februari 2024! Dengan pembelian coklat KitKat® dan/atau aiskrim KitKat® bernilai sekurang-kurangnya RM10, peserta berpeluang memenangi hadiah-hadiah menarik berjumlah lebih RM318,888* (*tertakluk kepada Terma dan Syarat*). Antara ganjaran hebat yang diberikan termasuk:

- 1x Hadiah Utama Bulanan: 2 buah Kereta Elektrik BYD Dolphin bernilai RM99,900 setiap satu
- 5x Hadiah Mingguan: 40 unit Hadiah Wang tunai RM888
- 76x Hadiah Mingguan: 608 unit Pin tambah nilai Touch 'n Go eWallet bernilai RM88 setiap satu
- 5x Hadiah Harian: 285 unit e-Baucar Grab bernilai RM88 setiap satu

Dengan perayaan Tahun Baru Cina semakin hampir, kami menjemput rakyat Malaysia untuk berehat sebentar bersama KitKat®, dan memeriahkan lagi sambutan tahun ini dengan *KitKat® Golden Dragon!*

Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://www.nestle.com.my/brands/confectionery>, FB di <https://www.facebook.com/KitKatMalaysia> dan IG di www.instagram.com/KitKatMalaysia

Mengenai KITKAT Nestlé

Dicipta pada tahun 1935, KITKAT menjadi sebahagian daripada rangkaian produk konfeksi Nestlé pada tahun 1988, dan telah berkembang menjadi satu daripada jenama terbesar Nestlé. Snek ringan ini merupakan salah satu jenama coklat kegemaran Malaysia dan dieksport ke 14 negara di seluruh dunia. KITKAT Nestlé merupakan jenama konfeksi global pertama menggunakan 100% koko yang diperolehi secara lestari menerusi Pelan Koko Nestlé.

Ungkapan "*Have a break, have a KITKAT*" (Berehat sebentar, Bersama KITKAT) menggambarkan dengan tepat misi KITKAT – untuk membantu anda berehat sebentar apabila anda paling memerlukannya. Raikan saat-saat keseronokan, kespontanan, kelazatan, nikmat, dan ganjaran bersama KITKAT. Sama ada anda terbenam dalam timbunan kertas dan fail kerja atau anda bekerja seperti jentera, anda boleh menikmati

kudapan manis ini, yang diperbuat daripada 100% koko lestari, pada bila-bla masa, di mana-mana sahaja dan dengan apa jua cara. KITKAT ialah produk buatan tempatan 100% Halal yang dikeluarkan di kilang Nestlé yang disahkan Halal di Chembong, Negeri Sembilan.

Mengenai Nestlé Malaysia

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Beribu pejabat di Switzerland, Nestlé beroperasi di lebih 180 negara di seluruh dunia, dan seramai lebih 270,000 orang kakitangan kami komited terhadap matlamat Nestlé, yang berusaha memanfaatkan kelebihan makanan untuk meningkatkan kualiti kehidupan untuk semua insan, masa kini dan untuk generasi masa depan. Prestasi kami dipacu oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Menjana khasiat rakyat Malaysia sejak 1912, Nestlé telah meraih kepercayaan para pengguna kami menerusi jenama dan produk kami yang bermutu tinggi. Kami juga komited untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan masyarakat di mana kami beroperasi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan ketelusan produk Halal kami.

Ini sejajar dengan janji kami untuk menawarkan GOOD FOOD, GOOD LIFE kepada semua. Untuk ketahui lebih lanjut tentang usaha kami menjana khasiat rakyat Malaysia melebihi seabad, sila layari www.nestle.com.my atau kunjungi laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/NestleMalaysia>.

For more information, please contact:

Shaheen Zaffar

Nestlé (Malaysia) Berhad

Tel: +603 7965 6456
Mobile +60 12 235 6865
E-mail: Shaheen.MohamedZaffar@my.nestle.com

Nurul Atiqah Mustapa

Perspective Strategies

Tel: +603 7491 3138
Mobile +60 19 234 1115
E-mail: nurul.atiqah@perspective.com.my